

Peliharaan keamanan negara: Dr M

bit 12 APR 1986

KUCHING, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat yang kuat bekerja dan cintakan keamanan adalah harta yang tidak ternilai harganya kepada sesebuah negara.

Katanya, mana-mana negara yang mempunyai banyak sumber kekayaan sekalipun tidak akan maju kecuali rakyatnya hidup dalam suasana aman dan berusaha gigih untuk mengeksploitasi kekayaan itu.

Perdana Menteri menegaskan demikian ketika berucap di majlis makan malam sempena ulang tahun ke-25 penubuhan Parti Penguasaan Sarawak (SNAP) di Dewan Negeri di Petra Jaya di sini malam tadi.

Usaha sendiri

"Jika negara kita mempunyai banyak galian emas jenis terbaik, tetapi rakyat tidak mahir serta enggan pula berusaha sendiri untuk melombongnya, memasarkannya dengan bijak dan cuba menghasilkan benda menarik yang boleh dibuat daripada emas, galian berharga itu tidak boleh mendatangkan hasil yang sepatutnya," tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika semua rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini memelihara keamanan dan sanggup bekerja lebih kuat mulai sekarang, tidak lama lagi Malaysia akan setanding dengan negara-negara lain yang lebih maju.

Katanya, tidak banyak negara menikmati kesejahteraan hidup seperti di Malaysia yang semakin membangun, maka rakyat harus bermegah terhadap negara ini kerana kemegahan itu akan mendorong kita supaya bekerja lebih kuat untuk lebih maju.

Mengenai keamanan, Perdana Menteri berkata, parti-parti politik di negara ini mesti mengutamakan keadaan itu dan bekerjasama untuk mencapai matlamat itu.

"Hanya di Malaysia sahaja, parti-parti komponen kerajaan dan parti-parti pembangkang boleh duduk semeja dan berunding untuk menyelesaikan masalah demi keamanan serta kemajuan rakyat dan negara," tegas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah, usaha melahirkan rakyat yang cinta keamanan dan sentiasa berikhtiar untuk memajukan negara ini, akan hanya berhasil jika parti-parti politik sanggup berkongsi kuasa.

"SNAP dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dulu adalah parti pembangkang. Setelah menjadi anggota parti Perikatan dulu dan Barisan Nasional (BN) sekarang, barulah disedari bahawa kita tidak boleh memiliki semua benda yang kita idamkan," jelas beliau.

Perdana Menteri berkata, apabila parti-parti yang dipilih oleh rakyat bersatu dan berkongsi kuasa untuk memerintah, mempertimbangkan kehendak dan masalah masing-masing dengan fikiran yang waras, barulah semua pihak insaf akan hakikat itu.

Beliau memuji SNAP kerana ia masih aktif walaupun ditubuhkan 25 tahun lalu, berbanding kebanyakan parti-parti politik di negara ini yang lenyap selepas beberapa tahun.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sebagai Pengerusi BN, beliau mengalu-alukan ikrar Presiden SNAP, Datuk Amar James Wong Kim Min yang mengatakan parti itu akan terus bekerjasama dan menyokong penuh Kerajaan BN.

"Bagaimanapun, saya tidak pasti apa yang akan dilakukan oleh orang lain yang menggantikan saya apabila saya melepaskan jawatan itu," katanya.

Turut hadir di majlis itu ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud dan isteri Datin Patinggi Hajah Laila dan pemimpin-pemimpin parti-parti komponen BN negeri.